

11/11/1998

Asean Telecom '98 tarik golongan profesional

Husain Jahit

ASEAN Telecom '98, persidangan dan pameran industri telekomunikasi dan teknologi maklumat yang berlangsung di Pusat Pameran Mines, berjaya menarik golongan profesional tempatan dan luar negara.

Dari tinjauan mata kasar di pusat pameran, kesimpulan boleh dibuat bahawa pengunjung terdiri daripada ahli profesional yang benar-benar ingin mengintai peluang perniagaan dan mencari penyelesaian untuk meningkatkan kemampuan syarikat, agensi kerajaan dan sebagainya dalam keadaan negara yang menghadapi kegawatan ekonomi.

Tema yang digunakan ialah "The Asean Telecommunications: Driving Forces and the Strategic Responses" (Telekomunikasi Asean: Galakan Pemacuan dan Tindak balas Strategik).

Dianjurkan kali kedua oleh AMB Exhibition Sdn Bhd, Asean Telecom 98 adalah pameran antarabangsa terbesar seumpamanya dalam industri di Malaysia. Ia berlangsung selama empat hari dari 3 hingga 6 November, 1998 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lebih 200 syarikat utama industri dari 18 negara mengambil bahagian dalam pameran yang mempunyai keluasan ruang pameran 60,000 kaki persegi.

Apa yang menarik ialah penyertaan beberapa gergasi antarabangsa dalam industri telekomunikasi dan teknologi maklumat terutama apabila aliran industri yang sedang menuju ke era penyatuan rangkaian data, suara dan video yang lebih berkesan dan kos efektif.

Antara syarikat antarabangsa yang terbabit ialah Cisco Systems, Siemens AG, Nokia, Marconi Communications, Northern Networks, 3Com, Unisys, Security Dynamics, Benefon, Hyundai, Bosch dan tidak ketinggalan syarikat tempatan termasuk Telekom Malaysia dan anak-anak syarikatnya, Pernec Corp, Kumpulan Gunung Kabel dan lain-lain lagi.

Kebanyakan mereka mempamerkan produk terbaru dalam persekitaran komunikasi mudah alih, sistem keselamatan, telefoni komputer, sistem rangkaian setempat dan luas (LAN/WAN), kad pintar, perkabelan dan penyelesaian masalah tahun 2000 (Y2K) dalam industri telekomunikasi.

Manakala persidangan yang dijalankan banyak membincangkan mengenai isu semasa terutamanya masalah tahun 2000 (Y2K) yang kini menjadi topik hangat setiap hari.

Selain Y2K, pembentangan kertas kerja banyak menjurus kepada pengemaskinian pembangunan telekomunikasi negara Asean dan hala tuju mereka, industri telekomunikasi ketika krisis ekonomi serantau, penyatuan telekomunikasi dan penyiaran multimedia masa depan, pembangunan satelit mudah alih, pengeluaran produk - cabaran dan prospek, pemasaran telekomunikasi, keselamatan sistem rangkaian, perkhidmatan pelanggan dan merangka rancangan masa depan dalam industri.

Ramai pakar antarabangsa dan tempatan dalam industri dijemput memberikan ceramah selain Perdana Menteri dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie.

(END)